Utusan Borneo: 18 November 2026

Lelaki mengaku miliki dadah didenda RM2,900

KUCHING: Gara-gara memiliki 0.08 gram Methamphetamine, seorang lelaki berusia 59 tahun didenda RM2,900 atau empat bulan penjara sekiranya gagal membayar denda di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Nureina Syafika Mohd Najib menjatuhkan hukuman itu terhadap Adman Maghribi yang mengaku bersalah mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12(3) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 11.30 pagi pada 30 Jun 2026 di belakang sebuah rumah di Kampung Tabuan Jaya Ulu, Jalan Foochow.

Fakta kes mendedahkan bahawa polis menyerbu sebuah bilik stor di bahagian belakang rumah berkenaan semasa Ops Tapis Khas dan menahan Adman di dalam stor tersebut pada hari kejadian kerana disyaki terlibat dalam kegiatan dadah.

Semasa pemeriksaan fizikal, polis merampas sebuah kotak daripada genggaman tangan Adman yang mengandungi satu paket plastik lutsinar berisi ketulan hablur kristal disyaki dadah jenis syabu dengan berat kasar 0.34 gram.

Susulan itu, polis merampas barangan tersebut untuk dijadikan bahan kes dan Adman dibawa ke pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Daerah Kuching untuk tindakan selanjutnya.